



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**18 Ogos 2023
01 Safar 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Empat bot nelayan Vietnam jadi tukun • Tunjuk surat UNHCR meragukan
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	• Threats to marine ecosystem
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	✓	NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	BINAR HARIAN	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		14	18/8/23

Threats to marine ecosystem

MALAYSIA'S rich marine biodiversity is a significant contributor to the economy through the fishing and tourism industries.

However, our marine ecosystem is facing a number of threats, particularly ocean acidification and fish bombing.

Driven by the absorption of excess carbon dioxide from the atmosphere, acidification prevents the growth of shell-forming organisms like corals and molluscs.

This disrupts the marine food chain and ultimately leads to a decline in fish population, which will affect coastal communities and small businesses engaged in the fisheries industry.

The practice of fish bombing is also destroying our marine habitats. Between June 2014 and February 2020, 2,832 blasts, which destroyed vital fish habitats, were recorded.

Recently, it was reported that nine men were arrested by the Sabah marine police for suspected fishing with explosives in the waters off the western coast of Pulau Manukan, an island off the coast of Kota Kinabalu.

Fish bombing fractures coral reefs beyond repair, hindering any chance of regeneration or regrowth. It shatters the



Destructive and illegal: Fish bombing shatters coral reefs beyond repair. — Filepic of destroyed reef by Reef Check Malaysia

sub-structure of the coral, creating "dead zones" and removes essential life support systems for marine species.

According to the Department of Fisheries, Malaysia has lost 96% of its fish stock in less than 60 years.

Local fishermen are saying they no longer see certain fish species that they used to catch 30 years ago.

Moreover, they spend more time fishing but return with fewer catches now.

Reduced incomes and increased competition for scarce resources are forcing local fisher-

men to venture into deeper and riskier waters, adding to costs and compromising their safety.

The economic consequences are being felt across the entire fishing supply chain, including traders, and consumers.

Coral reefs also protect vital coastal infrastructure by acting as a natural barrier to prevent erosion. Loss of this protective barrier will make Malaysia's coastal areas more susceptible to erosion and storm damage, resulting in high costs for the local communities.

Degradation of the coral reefs will also have a negative impact

on our tourism industry. Once tourists, especially those who are concerned about sustainable and ethical tourism, learn about the deteriorating state of Malaysia's marine habitats, they will seek other destinations.

When this happens, coastal businesses, tour operators, hotels, and restaurants that rely on tourists will be left to rue the loss of their golden goose.

As such, enforcement agencies such as the Department of Environment and the Malaysian Maritime Enforcement Agency must work together with local communities and NGOs, and international organisations to preserve and protect our threatened marine habitats.

Promoting sustainable fishing practices, enforcing the law on illegal fishing, and funding coral reef restoration are all necessary to achieve this.

By prioritising environmental preservation, Malaysia can secure its marine heritage for future generations, and foster sustainable economic growth while ensuring the prosperity of coastal communities.

NAVYA RAJAN
KSI Strategic Institute for Asia Pacific, Kuala Lumpur

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF			NEUTRAL		24	18/8/23

Empat bot nelayan Vietnam jadi tukun

HM MS24

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Terengganu melupuskan dengan menenggelamkan empat bot nelayan Vietnam yang dilucut hak berhampiran Pulau Susu Dara, Besut, semalam.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Khairulanuar Abd Majid berkata, pihaknya menggunakan kaedah menenggelamkan bot untuk dijadikan tukun tiruan.

Beliau berkata, pelupusan empat bot itu menggunakan kaedah menenggelamkan sebagai tukun satu inisiatif memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta simbolik kepada keseriusan Maritim Malaysia mengekang kemasukan nelayan asing ke perairan negara secara haram.

"Empat bot itu bot nelayan asing Vietnam yang ditahan serta dilucut hak oleh mahkamah sepanjang tahun 2022 atas kesalahan mencerooboh dan menangkap ikan di perairan negara.



"Keempat-empat bot ini ditahan melalui op naga barat dan op kuda laut yang dilaksanakan sepanjang tahun lalu.

"Proses menenggelamkan semua bot ini agak mencabar kerana cuaca tidak menentu, hujan lebat dan ombak bergelora selain

angin bertiup kencang," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Khairulanuar berkata, pelupusan itu yang ke-16 dalam tahun ini oleh Maritim Negeri Terengganu dan dijangkakan 20 bot lagi bakal ditenggelamkan apabila mendapat pelucutan

hak daripada mahkamah pada tahun ini.

Beliau berkata, pihaknya sudah melupuskan 165 bot menerusi kaedah ditenggelamkan sebagai tukun di sepanjang perairan Terengganu atau hancur musnah oleh Maritim Negeri Terengganu.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			24	18/8/23

Tunjuk surat UNHCR meragukan

Helah 9 pendatang asing Myanmar ke tanah besar naik feri dari Pulau Langkawi memakan diri

HM 1524

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my


Kuala Kedah

Tindakan 'memakan diri' apabila sembilan pendatang haram warga Myanmar dikesan cuba menyusup masuk ke tanah besar dengan menaiki feri dari Pulau Langkawi ke Kuala Kedah.

Bagaimanapun tindakan berani mereka berakhir apabila mereka ditahan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kedah, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Is-hak berkata, pendatang haram itu ditahan sewaktu anggota penguat kuasa Maritim Malaysia melakukan pemeriksaan rutin Op Aman di sekitar perairan Kuala Kedah.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati, semua pendatang haram itu hanya memiliki salinan surat dan kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk



WARGA asing menunjuk ke dokumen UNHCR sudah tidak diperakui masuk ke negara ini.



ANGGOTA Maritim merambas bubu naga di tiga kawasan di perairan Kuala Kedah.

Pelarian (UNHCR) yang meragukan memandangkan permohonan pemilikan kad itu sudah dihentikan.

"Semua Pati terbabit melakukan kesalahan mengikut seksyen 6(1)(c) Akta Imigrasi 1959/63 (pindaan

2002) yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih dari RM10,000 atau penjara tidak lebih lima ta-

hun atau kedua-dua sekali dan sebat tidak lebih dari enam kali sebatan, jika disabit kesalahan.

"Mereka ditahan dan dibawa ke Pejabat Zon Maritim Kuala Kedah untuk kami menjalankan siasatan lanjut," katanya.

Dalam perkembangan lain, APMM Zon Maritim Kuala Kedah turut melakukan operasi pemantauan rutin penggunaan bubu naga dalam kalangan nelayan selama seminggu.

Beliau berkata, hasilnya pihak APMM merampas 70 unit bubu naga atau bubu kembang di tiga lokasi berbeza.

"Operasi ini dilaksanakan berikutan terdapat beberapa aduan awam yang diterima oleh pihak Maritim Malaysia di sekitar Kuala Jerlun, Kuala Kangkung dan Sungai Limau. Yan dan menjadi sebahagian lokasi panas penggunaan bubu naga ini.

"Anggota bot ronda Maritim Malaysia turut menemukan pelbagai taktik bagi mengaburi pihak berkuasa seperti pelampung penanda, pancang kayu dan beberapa alat GPS yang mencurigakan dipasang pada setiap bubu naga berukuran kira-kira 10 meter panjang itu," katanya.